

Konsep Kecuaian Menurut Undang-undang Islam

[The Concept of Negligence in Islamic Law]

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 014-022
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 21 Jun 2022
Accepted: 21 October 2022
Published: 7 November 2022

Ahmad Farid Ibrahim,¹ Ahmad Jazlan Mat Jusoh¹ & Mohd Rahim Ariffin¹

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: farid@unisza.edu.my; jazlan@unisza.edu.my; rahim@unisza.edu.my

* Corresponding Author: farid@unisza.edu.my

Abstrak

Kecuaian merupakan satu bentuk kesalahan dan kesilapan yang sering sahaja berlaku akibat daripada perbuatan manusia mahupun bukan berpunca daripada manusia. Jika sekiranya berlaku kecuai yang mungkin mengakibatkan kecederaan dan kematian maka seseorang itu wajib dipertanggungjawabkan ke atas kesalahannya itu. Namun jika ianya berpunca daripada selain manusia sebagai contohnya, haiwan, maka penjaga atau pemiliknya harus di kenal pasti dan dikenakan hukuman terhadap kecuaiannya itu. Berkait dengan gejala ini, Islam amat mengambil berat demi menjaga hak setiap individu dalam masyarakat dan menghormati darah dan juga nyawa mereka supaya tidak mudah di cerobohi, begitu juga dalam undang -undang Sivil dimana turut memandangkan isu kecuai ini sebagai satu kesalahan yang besar dan di kanunkan sebagai satu perundangan demi menjaga maruah dan nyawa. Dalam tajuk “Konsep Kecuaian Menurut Undang-undang Islam”, di sini akan di perelaskan tentang konsep kecuai, kesalahan, kesilapan, dan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kecederaan atau kelukaan kepada individu atau kelompok manusia dan penyelesaiannya demi mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat.

Kata kunci: Kecuaian, Undang-undang Islam, Kelompok, Gejala, Keharmonian.

Abstract

Neglects or torts is a form of errors and mistakes that often occur because of human actions or not caused by humans. In the event of negligence which may result in injury and death, the person shall be liable for such offenses. But if it's not from the human causing, for example, the animal, the keeper or owner must be identified and punished for that negligence. Associated with this, Islam is very concerned to protect the rights of every individual in society and respect the blood and their lives are not so easy to invade, and also in the Civil Law Act which looked at the issue of negligence is considered as a great sin and gazetted as the legislation in order to protect the dignity and lives of the human being. In the title “The Concept of Negligence in Islamic Law”, here will explain the concept of negligence, errors, mistakes, and things that can cause injury or injury to individuals or groups of people and solutions in order to create peace and harmony in the society.

Keywords: Torts/Negligence, Islamic Law, Groups, Symptoms, Harmony.

Cite This Article:

Ahmad Farid Ibrahim, Ahmad Jazlan Mat Jusoh & Mohd Rahim Ariffin. (2022). Konsep Kecuaian Menurut Undang-undang Islam [The Concept of Negligence in Islamic Law]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 014-022.

Pengenalan

Sebagaimana yang kita fahami, kecuai merujuk kepada perbuatan manusia ataupun bukan manusia sebagai contoh haiwan yang mana ianya boleh mendatangkan kecederaan dan kelukaan atau juga sehingga melibatkan nyawa seseorang itu terkadai. Demi menjaga perkara ini daripada berlaku samada berlaku secara sengaja ataupun tidak, maka setiap individu wajib mematuhi dan memastikan bahawa ianya tidak akan berlaku dan menjaganya sebaik mungkin, namun jika sebaliknya, maka di sinilah peranan perundangan Islam dalam erti kata lain ianya bertujuan menjaga hak individu, darah dan nyawa seseorang supaya ia tidak sewenang-wenangnya di ragut dan dicerobohi oleh mana-mana pihak. Perundangan memastikan bahawa setiap individu terpelihara dan terjaga maruahnyanya daripada gejala-gejala yang negatif terus menular dan mungkin membahayakan individu-individu dalam masyarakat di samping menghormatinya.

Takrifan Kecuaian

Kamus Dewan mentakrifkan cuai sebagai sesuatu perbuatan yang tidak berhati-hati dalam membuat sesuatu. Kecuaian pula membawa maksud atau memerihalkan cuai atau kelalaian. (Kamus Dewan 2000: 249 & 250). Cuai juga memberi maksud tidak berhati-hati dalam membuat sesuatu; kurang peduli terhadap sesuatu; lalai. (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Takrifan ini sesuai dengan perihal '*not being careful enough; lack of care*' (Kamus New Oxford 2006: 559).

Menurut Islam, perkataan kecuai menurut Bahasa Arab yang dikenali sebagai istilah '*tafrit*' atau '*taqsir*.' Kedua-dua istilah ini dari sudut bahasa memberi maksud kecuai atau kurang berhati-hati, iaitu apabila seseorang itu melakukan sesuatu perkara dengan keadaan kurang sempurna. Istilah *tafrit* boleh dirujuk dalam al-Qur'an Surah al-Zumar ayat 56 yang bermaksud: "(Diperintahkan demikian) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: Sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah SWT serta aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan (agama Allah SWT dan penganut-penganutnya).

Kecuaian Menurut Undang-undang Islam

Manakala dari sudut perundangan, istilah *tafrit* merupakan suatu peninggalan oleh seseorang yang waras daripada melakukan perbuatan yang sepatutnya dilakukan, ataupun suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang waras yang mana perbuatan tersebut tidak sepatutnya dilakukannya. Istilah kecuai tidak disebut secara khusus oleh ulama klasik. Sungguhpun begitu, terdapat istilah yang digunakan untuk menggantikan istilah *tafrit* iaitu *khata'*. *Khata'* membawa maksud tidak sengaja atau tersilap.

Di samping itu, dalam penulisan fuqaha tidak terdapat perbahasan yang khusus yang membincangkan tentang kecuai kecuali beberapa contoh yang berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam bab-bab tertentu. Dan hal ini juga dapat dilihat dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W: (al-Zabidi: 533)

ليس في النوم تفريط إنما التفريط أن لا يصلي حتى يدخل وقت الأخرى

Maksudnya: Tidak berlaku kecuaiian ketika tidur, sesungguhnya kecuaiian itu adalah tidak menunaikan solat sehingga datangnya waktu solat yang lain.

Selain itu, dapat dikatakan bahawa penulisan para fuqaha' tidak dapat ditemui perbahasan khusus dan sistematik berkaitan dengan persoalan kecuaiian ini. Apa yang dapat ditemui hanya contoh-contoh berkaitan dengannya yang dinyatakan dalam bab-bab tertentu secara tidak terkumpul (Abdul Basir 2009: 362).

Justifikasi kenapa kecuaiian dikenakan liabiliti ialah kerana wujudnya *ta'adi* (melepasi batas dan juga *darar*). Justeru itu, sebagaimana juga dalam undang-undang Inggeris, *kecuaiian* yang tidak mengakibatkan berlakunya kerosakan, kecederaan atau kematian sama ada terhadap harta benda atau jika tidak ada apa-apa tanggungan dikenakan. Walaupun begitu, ia tidak bermakna apabila tidak mengakibatkan *darar* ia tidak menjadi satu kesalahan, bahkan ia tetap menjadi satu kesalahan cuma tidak dipertanggungjawabkan ke atas pelaku untuk ganti rugi kerana tidak wujud *darar*. Islam menolak perkara-perkara yang membawa kepada kemudaratannya atau perkara yang membawa kepada kemudaratannya. Sabda Rasulullah S.A.W. (al-Suyuti t.th.: 92):

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan tidak boleh membahayakan diri orang lain.

Takrif kecuaiian menurut *Mustafa Al-Khin* ialah tanggungjawab yang terletak di bahu seseorang *mukallaf* adalah disebabkan oleh salah satu daripada dua faktor berikut (al-Khin 1998: 457):

1. Niat jahat dan permusuhan seperti membunuh dengan sengaja, mencuri, merampas, menuduh zina dan merompak.
2. Cuai dalam menjaga dan mengambil langkah berjaga-jaga hingga menyebabkan kemusnahan pada harta atau fizikal (tubuh badan) pihak yang tidak bersalah dan dijamin nyawanya. Contohnya, haiwan seseorang yang memusnahkan tanaman seorang petani.

Dengan ini, tanggungjawab terhadap kecuaiian ialah hukum syarak yang dikenakan hasil daripada kecuaiian dalam menilai keadaan atau mengambil aspek penjagaan yang perlu. Hukum ini berbentuk pampasan atau sebagainya.

Implikasi Syarak Terhadap Kecuaiian

Jika kecuaiian tersebut boleh dinilai menurut neraca syarak, maka wujud tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pihak yang cuai. Tanggungjawab ini boleh dilihat apabila pihak yang cuai diwajibkan menggantikan kerosakan dalam bentuk harta sepadan (*mithil*) atau senilai (*qimi*)

atau dikehendaki membayar sesuatu sebagai gantian seperti *diyat*, الأرش atau seumpama dengannya.

Menurut syarak, sesuatu kecuaiian akan disabitkan dengan sesuatu hukum apabila insiden yang berlaku menunjukkan kemungkinan berlaku kecuaiian, tanpa mengira sama ada pihak yang terlibat benar-benar cuai atau tidak. Tidak disyaratkan adanya penyiasatan bagi membuktikan kecuaiian untuk membolehkan seseorang dikenakan membayar ganti rugi. Sebaliknya hanya satu syarat sahaja untuk tujuan itu iaitu wujud insiden yang menunjukkan kemungkinan berlaku kecuaiian. Dengan ini pihak yang cuai akan dikenakan membayar ganti rugi bagi menampung kemudaratan atau kerugian, dan bagi memastikan setiap orang mendapat hak masing-masing (al-Khin 1998: 457).

Contoh Tanggungjawab Terhadap Kecuaian

Di bawah dibawakan beberapa bentuk kecuaiian yang mana ianya wujud kerana terdapat elemen kecuaiian dalam mengambil langkah berjaga-jaga dalam kes-kes tersebut.

1. Bunuh tanpa niat. Pembunuh yang terlibat akan dikenakan membayar *diyat*. Sudah tentu dalam kes ini, pembunuh tidak didenda disebabkan dosa atau tindakan berbentuk permusuhan yang dilakukannya. Sebaliknya dia didenda kerana wujud kecuaiian dalam mengambil langkah berjaga-jaga. Malah dia tetap dihukum walaupun pada hakikatnya ia bukan disebabkan kecuaiannya.
2. Seseorang mendirikan dinding rumahnya dalam keadaan condong. Lalu tanpa disengajakan, rumah ini runtuh hingga menyebabkan kematian seseorang yang tidak berdosa atau menyebabkan kemusnahan harta. Dalam kes ini, keluarga pesalah dikehendaki membayar *diyat* kepada keluarga mangsa. Pemilik rumah pula dikehendaki membayar pampasan kepada pemilik harta yang musnah. Hukuman ini dikenakan bukan kerana tindakan berbentuk permusuhan atau dosa yang dilakukannya. Sebaliknya hukuman ini adalah sebagai hukuman kerana kecelakaan yang menimpa saudaranya adalah disebabkan kecuaiannya.
3. Haiwan atau kenderaan yang memusnahkan harta orang lain seperti tanaman atau sebagainya, ataupun menyebabkan kematian dan kecederaan kepada orang yang tidak berdosa. Dalam hal ini, penunggang, pemandu atau pembawanya sama ada dia adalah pemilik atau penyewa bertanggungjawab membayar ganti rugi tanaman atau harta tersebut. Keluarga pesalah pula dikehendaki membayar *diyat* kepada keluarga mangsa. Ini kerana kesalahan oleh haiwan atau kenderaan atau sebagainya dianggap sebagai kesalahan oleh orang yang mengendalikannya tanpa mengira siapa (al-Khin 1998: 458) Wajib membayar ganti rugi harta atau nyawa yang dibinasakan oleh binatang itu, sama ada yang membawa itu pemilik, penyewa, peminjam atau perampasnya, sama ada binatang tersebut semasa ia membinasakan itu dihalau, dihambat atau dituntun dengan tali pengikatnya. (Mohd Amin 2009: 52).

Contoh Perbuatan yang Tidak Dipersalahkan

Di sini dibawakan beberapa contoh kecuaiian yang tidak boleh dipersalahkan atau dengan kata lain tidak dipersalahkan walaupun ianya menyebabkan kematian atau kemusnahan harta benda.

1. Penunggang haiwan atau pemandu kenderaan tiba-tiba mati ketika memandu lalu haiwan atau kenderaan tadi menyebabkan kemusnahan harta atau menyebabkan kematian. Penunggang haiwan atau keluarga pemandu kenderaan tidak akan dipersalahkan kerana tidak wujud sebarang kecuaiian dalam kes ini.
2. Seseorang menghambat seekor haiwan tanpa izin tuannya atau penyewanya yang bertanggungjawab terhadap haiwan tersebut. Akibatnya haiwan tersebut bertempiaran lari hingga menyebabkan kerosakan harta benda. Dalam keadaan ini, pemilik atau penyewa tidak perlu membayar ganti rugi kerana tiada unsur kecuaiian dalam kes ini. Sebaliknya ganti rugi akan dibayar oleh orang yang menghambat kerana dia menjadi penyebab sebenar segala kerosakan yang berlaku.

Demikian juga dalam kes seseorang yang menyerahkan sebuah kereta milik orang lain kepada orang gila. Lalu orang gila ini memandunya hingga menyebabkan kemusnahan harta benda. Dalam kes ini, pemilik kenderaan tidak akan dikenakan membayar ganti rugi kerana dia tidak boleh dikaitkan dengan sebarang kecuaiian. Sebaliknya orang yang menyerahkan tadi perlu bertanggungjawab.

3. Seorang penggembala melepaskan haiwannya pada siang hari dan membawanya ke jalan yang biasa dilalui haiwannya. Lalu haiwan ini memusnahkan tanaman atau sebagainya yang berada di jalan tersebut. Pemilik haiwan tidak akan dikenakan membayar ganti rugi terhadap kemusnahan yang berlaku kerana tiada unsur kecuaiian yang boleh dikaitkan di sini.

Ini berbeza sekiranya penggembala melepaskan haiwannya pada waktu malam dan menyebabkan berlaku kemusnahan harta. Penggembala akan dikenakan membayar ganti rugi kerana kecuaiannya melepaskan haiwan tersebut pada waktu yang tidak sesuai. Rasulullah S.A.W. pernah menjatuhkan hukuman tersebut. Baginda menetapkan pemilik kebun perlu menjaga kebun mereka pada waktu siang dan pemilik haiwan perlu membayar ganti rugi akibat kemusnahan yang dilakukan oleh haiwan mereka pada waktu malam.

Ini kerana pada kebiasaannya, penjagaan tanaman atau sebagainya dilakukan pada waktu siang dan penjagaan haiwan pada waktu malam. Sekiranya kebiasaan ini berubah, hukum pun akan berubah mengikut perubahan tersebut (al-Khin 1998: 459) (Abdul Basir 1999: 4)

Kaedah dalam Menentukan Sesuatu Tanggungjawab

Berdasarkan contoh-contoh di atas, di sini dapatlah kita fahami dan simpulkan sebagaimana dalam berikut:

1. Tanggungjawab akan dipikul oleh orang yang secara langsung menyebabkan kemudaratan kepada orang lain, atau menyebabkan sesuatu yang menjadi punca yang

memudaratkan orang lain sama ada secara sengaja atau tidak. Tanggungjawab ini mungkin disebabkan oleh tindakan menceroboh atau kecuai (al-Khin 1998: 459) (Abdul Basir 2009: 363)

2. Tanggungjawab tidak akan dipikul oleh pihak yang menjadi punca tetapi tidak melakukannya secara langsung sekiranya punca tersebut bukan menjadi sebab, sebaliknya disebabkan oleh unsur asing. Contohnya, seorang lelaki yang meninggalkan haiwannya di hadapan sebuah kebun tanpa mengikatnya. Lalu datang seseorang menghambat haiwan tersebut hingga bertempieran lari dan merosakkan tanaman di kebun tersebut. Pemilik haiwan tersebut, walaupun menjadi punca tidak akan dipertanggungjawabkan kerana punca tersebut dimansuhkan oleh punca yang dilakukan oleh pihak lain.
3. Tiada pihak yang akan dipertanggungjawabkan bagi kerosakan yang disebabkan oleh sesuatu yang di luar kawalan manusia seperti kematian haiwan atau kematian pemandu kenderaan. Demikian juga dengan seseorang yang meletakkan seketul batu di tempat yang selamat lalu banjir menghanyutkan seketul batu tersebut hingga menyebabkan kerosakan. Ini kerana tiada unsur kecuai di sini (al-Khin 1998: 459).

Diyat

Dalam mengetahui sejalannya dalam konteks Islam, di mana Islam memperkenalkan Diyat sebagai satu bentuk penyelesaian dan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan yang berbentuk kecuai ini. Inilah yang perlu di fahami sebelum sesuatu hukuman Islam itu dianggap kejam atau zalim.

Bayaran *diyat* adalah hukuman bagi kesalahan mencederakan secara tidak sengaja. Tidak ada hukuman lain bagi kesalahan tidak sengaja. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak berkuasa merasakan perlu dilaksanakan ta'zir, ia dibolehkan. (Audah t.th: 290) Namun, penetapan jumlah *diyat* bagi kesalahan ini diserahkan kepada kebijaksanaan hakim kerana tidak ada suatu ketetapan syarak mengenai jumlahnya. Pihak yang berhak boleh menuntut dari pihak yang wajib membayar *diyat*. Manakala dalam kes-kes pembunuhan terhadap seseorang yang tidak diketahui siapa yang melakukannya, undang-undang Islam tetap mewajibkan pampasan mesti dibayar oleh kerajaan. (Zainal Azam 2003: 103) Bagi kes-kes yang melibatkan kecederaan anggota badan dan anggota, sudah tentulah orang yang berhak membuat tuntutan ialah mangsa sendiri. Sementara bagi kes yang melibatkan kematian, waris mangsa adalah pihak yang berhak menuntut ganti rugi.

Diyat Bunuh Tanpa Niat

Bagi kesalahan kecuai hingga terjadinya kematian, iaitu bagi jenayah membunuh tanpa niat diyatnya juga berjumlah 100 ekor unta tetapi dibahagikan kepada 5 jenis iaitu 20 ekor anak unta betina *makhadh* (مخاض) iaitu unta yang berumur genap satu tahun, 20 ekor anak unta betina *labun* (لبون) iaitu berumur genap dua tahun, 20 ekor anak unta jantan *labun*, 20 ekor *hiqqah* (حققة) dan 20 ekor *jaza'ah* (جذعة). Pembayaran juga dilakukan oleh keluarga lelaki

pesalah dan dibayar dalam tempoh tiga tahun. (al-Khin 1998: 402) (Ibn Qudamah 1969: 378).Sebaiknya dinilai dengan kadar matawang semasa.

Diyat Anggota Badan

Diyat anggota badan bergantung kepada kepentingan anggota badan yang terbabit. Dengan ini, *diyat* anggota badan mungkin bersifat penuh atau hanya sebahagian. *Diyat* penuh akan dikenakan pada jenayah yang menyebabkan kedua-dua tangan terputus daripada pergelangannya, kedua-dua kaki, semua hidung iaitu bahagian hidung yang lembut terdiri daripada kedua lubang hidung dan pemisahannya, kedua-dua zakar, kedua-dua mata, empat kelopak mata, lidah dan kedua-dua bibir (al-Khin 1998: 403)

Diriwayatkan daripada Abu Bakar bin Muhammad bin ‘Amru bin Hizam daripada bapanya daripada datuknya bahawa Nabi S.A.W. pernah menulis surat kepada penduduk Yaman dan antara kandungannya:

أَنْ مَنْ اعْتَبَطَ مُؤْمِنًا قَتْلًا عَنْ بَيِّنَةٍ، فَإِنَّهُ قُودٌ إِلَّا أَنْ يَرْضَى أَوْلِيَاءُ الْمَقْتُولِ، وَإِنْ فِي النَّفْسِ الدِّيَةُ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي الْأَنْفِ إِذَا أُوعِبَ جَدْعُ الدِّيَةِ، وَفِي اللِّسَانِ الدِّيَةِ، وَفِي الشَّفَتَيْنِ الدِّيَةِ، وَفِي الذَّكَرِ الدِّيَةِ، وَفِي الْبَيْضَتَيْنِ الدِّيَةِ، وَفِي الصَّلْبِ الدِّيَةِ، وَفِي الْعَيْنَيْنِ الدِّيَةِ، وَفِي الرَّجْلِ الْوَاحِدَةِ نِصْفِ الدِّيَةِ، وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثَلَاثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْجَائِفَةِ ثَلَاثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْمَنْقَلَةِ خَمْسَ عَشْرَةَ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي كُلِّ أَصْبَعٍ مِنْ أَصَابِعِ الْيَدِ وَالرَّجْلِ عَشْرَ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي السِّنِّ خَمْسَ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي الْمَوْضُحَةِ خَمْسَ مِنَ الْإِبِلِ، وَإِنْ الرَّجُلُ يَقْتُلُ بِالْمَرْءِ، وَعَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفَ دِينَارٍ

Maksudnya: Sesiapa yang terbukti bersalah membunuh orang yang beriman tanpa sebarang alasan yang munasabah, dia akan dihukum bunuh melainkan sekiranya kaum lelaki keluarga mangsa redha. *Diyat* bagi satu nyawa ialah 100 ekor unta. Hidung yang dipotong sepenuhnya dikenakan *diyat*, bagi lidah dikenakan *diyat*, bagi dua bibir dikenakan *diyat*, bagi zakar dikenakan *diyat*, bagi dua buah zakar dikenakan *diyat*, bagi *sulbi* dikenakan *diyat*, bagi dua mata dikenakan *diyat*, bagi sebelah kaki dikenakan separuh *diyat*, bagi *ma'mumah* (iaitu luka di kepala yang sampai ke membrane otak) dikenakan satu pertiga *diyat*, bagi *jaifah* (iaitu tikaman yang sampai ke rongga kepala atau rongga perut) dikenakan satu pertiga *diyat*, bagi *munaqqilah* (iaitu pukulan yang menyebabkan tulang beralih) dikenakan 15 ekor unta, bagi setiap satu jari tangan atau kaki dikenakan 10 ekor unta, bagi satu batang gigi dikenakan 5 ekor unta, bagi *al-muadhdhihah* (iaitu kecederaan yang menampakkan tulang) dikenakan 5 ekor unta, lelaki yang membunuh seorang wanita akan dihukum bunuh dan orang yang hanya mempunyai emas dikenakan membayar 1,000 dinar.

Mengenai kesalahan yang dikenakan membayar sebahagian *diyat*, sebahagiannya dinyatakan dalam hadis di atas seperti sebelah tangan, sebelah kaki, sebelah mata, sebelah telinga dan dua kelopak mata. Bagi setiap satu jari tangan atau kaki dikenakan 10 ekor unta. Bagi setiap kelopak mata suku *diyat* iaitu 25 ekor unta. Bagi kecederaan *al-muadhdhihah* dikenakan 5 ekor unta. Bagi setiap gigi normal yang dicabut, dikenakan 5 ekor unta. *Diyat* bagi

kecederaan atau sebagainya yang tidak dapat dinilai dengan tepat seperti memotong anggota yang tidak berguna, contohnya tangan yang lebih daripada dua, semua kecederaan ini dikenakan *hukumah* (الحكومة) (al-Khin 1998: 403-404).

- (a) Defendan mestilah mempunyai kawalan ke atas keadaan persekitaran atau objek yang menjadi punca kemalangan itu. Kawalan ini harus dibuktikan pada masa kecuaiannya itu berlaku.
- (b) Kemalangan itu mestilah tidak mungkin berlaku jika tidak kerana kecuaiannya Defendan. Adakalanya fakta kes itu sendiri yang membuktikannya.
- (c) Mestilah tidak terdapat penjelasan tentang bagaimana kemalangan itu berlaku. Sekiranya Defendan memberi penjelasan bagaimana kemalangan itu berlaku, maka perbicaraan kes itu berbalik kepada sama ada penjelasannya dikatakan memenuhi tahap kewaspadaan, penyebab dan seterusnya untuk membuktikan tort kecuaiannya dalihan kepada kecuaiannya (Norchaya Talib 2006: 34).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, jelas menunjukkan bahawa kecuaiannya merupakan akibat daripada perbuatan manusia terhadap seseorang individu yang lain yang mana ianya tidak mempunyai niat langsung untuk melakukan sesuatu perbuatan tersebut namun ianya berlaku kerana akibat kecuaiannya, kealpaan dan kelalaiannya. Kesan daripada itu sebenarnya boleh diramalkan dan mungkin juga boleh dijangkakan. Namun, oleh sebab tahap kewajipan berhati-hati itu tidak dilaksanakan dengan sebaiknya, akhirnya terjadi kemalangan atau kemudaratan kepada pihak yang lain yang menyebabkan kecederaan atau kehilangan nyawa seseorang. Akibat yang wujud daripada perbuatan cuai boleh dikategorikan sebagai tersalah atau tidak sengaja. Oleh itu, jika perbuatan tersebut menyebabkan kecederaan atau kematian orang lain, maka kes tersebut boleh diletakkan di bawah kesalahan tidak sengaja. Oleh yang demikian, jika kes itu melibatkan harta benda seseorang individu itu rosak atau musnah, maka pihak yang cuai itu boleh dibebankan dengan tanggungan pembayaran pampasan.

Rujukan

- Abdul Basir Mohamad. (1999). Tanggungjawab Pemunya dan Pemilik Haiwan Dalam Undang-undang Tort Islam. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*. 20: 1-15.
- Abdul Basir Mohamad. (2009). *Undang-undang Tort Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ‘Audah, ‘Abd al-Qadir. t.th. *Al-Tasyri’ Al-Jinai Al-Islami*. Beirut: Dar Al-Khatib Al-Arabi.
- Hans Wehr. 1980. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Disunting oleh J. Milton Cowan. Beirut: Librarie du Liban.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl, Jamal al-Din Muhammad bin Mukrin. t.th. *Lisan al-Arab*. Jilid 7. Matbaah Muniriah.
- Ibn Qudamah, Abu Abdullah. 1969. *Al-Mughni*. Jilid 10. Qaherah: Al-Maktabah Al-Qaherah.
- Kamus Dewan*. (2000). Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kamus New Oxford*. (2006). Edisi Kedua. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd Amin Abd. Rahim. (2009). *Undang-undang Jenayah Islam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho, Ali Asy-Syarbaji. *Fiqh Al-Manhaj ala Mazhab Imam Syafie*. Jilid Ketiga. Terbitan Ketiga. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Norchaya Talib. 2006. *Prinsip-prinsip Asas Tort*. Selangor: Sweet & Mazwell Asia.
- Salleh Buang. The Law of Negligence in Malaysia. Terj.: Asiah Mohd Yusoff. *Undang-undang Kecuaian di Malaysia*. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakar. t.th. *Al-Asybah Wa An-Nazāir*. Kaherah: Al-Halabi.
- al-Zabidi. *Taj ‘Arus*. Jilid 19. Al-Qahirah: Dar al-Kitab ‘Ilmiyyah.
- Zainal Azam Abd. Rahman. Konsep Pampasan Dalam Undang-undang Jenayah Islam & Prospek Perlaksanaannya di Malaysia. Dlm. Siti Khatijah Md Supi & Abdul Monir Yaacob (pnyt.). *Pendakwaan dan Penyiabatan: Konsep & Amalan*. Kuala Lumpur: IKIM.